

23/1
GEOGRAFI
Ogos
1 1/4 jam



JABATAN PELAJARAN PERAK

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SELARAS
PENILAIAN MENENGAH RENDAH
PERINGKAT NEGERI PERAK TAHUN 2010

GEOGRAFI

Satu jam lima belas minit


JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 60 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan alat geometri.*
6. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator yang tidak boleh diprogramkan.*

Kertas soalan ini mengandungi 16 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah

Soalan 1 hingga Soalan 6 berdasarkan peta topo di bawah.




PETUNJUK	
Kontur	Kelapa sawit
Sungai	Jalan raya
Tasik	Jambatan
Hutan	Masjid
Nipah	Petempatan
Sawah padi	B.P. Balai Polis
Getah	P.D. Pejabat Daerah

Skala: 1cm=1km

[Lihat halaman sebelah

1 Selang kontur peta ini ialah

- A 60 meter
B 45 meter
C 30 meter
D 15 meter



2 Pola petempatan dalam segi empat grid di atas ialah

- A berkelompok
B berselerak
C berpusat
D berjajar

3 Antara yang berikut, pernyataan manakah yang benar tentang peta?

- I Hutan paya nipah terdapat di bahagian barat daya peta
II Sungai Jambul mengalir ke arah barat daya
III Pertanian adalah kegiatan ekonomi utama
IV Pola petempatan Kg. Sepoi berkelompok

- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

4 Keratan rentas X Y dalam peta merupakan sebuah

- A tebing tinggi
B rabung bukit
C dataran tinggi
D cerun landai

5 Berapakah luas kawasan hutan paya nipah dalam peta?

- A 3 km persegi
B 5 km persegi
C 7 km persegi
D 9 km persegi

6 Apakah fungsi kawasan hutan di timur laut peta?

- A Ladang hutan
B Kawasan tadahan
C Sumber kayu balak
D Rekreasi

7 Peta 1 menunjukkan banjaran-banjaran utama di Semenanjung Malaysia. Gunung Korbu terletak di banjafan yang bertanda



Peta 1: SEMENANJUNG MALAYSIA

[Lihat halaman sebelah

- Tanah aluvium
- Tanaman padi

8 Maklumat di atas merujuk kepada kawasan Peta 2 yang bertanda



Peta 2: SEMENANJUNG MALAYSIA

9 Bentuk muka bumi manakah yang terbentuk akibat hakisan ombak?


- I Tetanjung
- II Tetambak
- III Tanjung
- IV Teluk

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

10 Apakah bentuk muka bumi yang terhasil daripada proses pemendapan sungai?

- A Jeram
- B Air terjun
- C Tetambak
- D Lubang pusar

11 Manakah antara berikut merupakan bentuk muka bumi di peringkat hulu sungai?



[Lihat halaman sebelah

12 Apakah persamaan fungsi kedua-dua banjaran di bawah?

- Banjaran Titiwangsa
- Banjaran Crocker

- I Pertanian hawa sederhana
- II Kawasan Tadahan
- III Perlombongan
- IV Perkilangan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV


13 Rajah 1 menunjukkan aktiviti perniagaan di atas sungai.



Rajah 1

Di manakah aktiviti tersebut dijalankan?

- A Sungai Rajang
 - B Sungai Mekong
 - C Sungai Chao Phraya
 - D Sungai Kinabatangan
- 14 Apakah kesan aktiviti pembalakan terhadap alam sekitar?
- A Kejadian pulau haba
 - B Penipisan lapisan ozon
 - C Kemusnahan habitat fauna
 - D Peningkatan keasidan tanah
- 15 Apakah kesan pergerakan bumi seperti dalam Rajah 2 di bawah?




Rajah 2

- I Siang dan malam
 - II Kejadian empat musim
 - III Perbezaan waktu tempatan
 - IV Pembiasan angin lazim
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

[Lihat halaman sebelah

SULIT

- 16 Antara yang berikut, yang manakah benar tentang solstis musim panas?
- A Berlaku pada 21 Jun
B Berlaku pada 22 Disember
C Matahari tegak di Garisan Jadi
D Siang dan malam sama panjang
- 17 Apakah fungsi garisan X dalam Rajah 3 di bawah?



Rajah 3

- A Perbezaan siang dan malam
B Sempadan antarabangsa
C Pembahagian hemisfera
D Pertukaran tarikh
- 18 Apakah jenis iklim di zon sederhana?
- A Iklim Tundra
B Iklim Siberia
C Iklim Savana
D Iklim Monsun Tropika

- Tinggal dalam igloo
- Andur salji digunakan

- 19 Di manakah kawasan tersebut?
- A Siberia
B Greenland
C Mediterranean
D Monsun Tropika

- 20 Antara yang berikut, kombinasi yang manakah benar?

	Kawasan	Kegiatan Ekonomi Utama
I	Greenland	Pertanian
II	Gurun Thar	Penternakan
III	Switzerland	Pelancongan
IV	Siberia	Perikanan

- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 21 Antara berikut, yang manakah ciri-ciri utama hutan hujan tropika?
- I Malar hijau
II Berakar banir
III Dirian tulin
IV Tiga lapisan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

[Lihat halaman sebelah

SULIT

22 Apakah persamaan ciri tumbuhan di bawah?


- Paya air masin
- Paya air tawar

- A Tumbuh di kawasan pantai C Tumbuh di kawasan berair
 B Tumbuh di sekitar tasik D Tumbuh di kawasan pantai yang berpasir

23 Peta 3 menunjukkan kawasan tumbuhan semulajadi di Malaysia.

- Tanah beris
- Saliran baik
- Pokok tapak kuda dan mengkuang

Pernyataan di atas terdapat di kawasan Peta 3 yang bertanda



Peta 3 : MALAYSIA

24 Rajah 4 menunjukkan profil hutan.



Rajah 4

Apakah faktor yang mempengaruhi ciri hutan di atas?

- I Musim kering yang nyata
 II Min suhu tahunan 27°C
 III Hujan tahunan lebih 2000 mm
 IV Julat suhu tahunan yang besar
- A I dan II C II dan III
 B I dan IV D III dan IV

[Lihat halaman sebelah

SULIT

25 Antara berikut, yang manakah merupakan kesan penebangan hutan secara berleluasa?

- I Kelajuan angin berkurang
- II Kelembapan bertambah
- III Suhu meningkat
- IV Hakisan tanah

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

26 Peta 4 di bawah menunjukkan kawasan yang sering terjadi jerebu di Malaysia.



Peta 4 : MALAYSIA

Apakah punca jerebu di kawasan X dan Y?

- A Pembakaran hutan
- B Menapis petroleum
- C Melombong arang batu
- D Perindustrian


27 Antara yang berikut, manakah organisasi yang terlibat dalam usaha melindungi hidupan liar?

- A FRIM
- B MARDI
- C PERHILITAN
- D FELDA

28 Antara yang berikut, manakah kawasan yang berpenduduk padat?

- I Tanah pamah
- II Banjaran gunung
- III Kawasan paya
- IV Lembah sungai

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV




29 X mungkin sekali

- A makanan
- B bencana alam
- C wabak penyakit
- D taraf pendidikan

[Lihat halaman sebelah


SULIT

30 Mengapakah bandar dalam Rajah 5 menjadi tumpuan migrasi?



- | | |
|-------------|-----------------|
| A Pertanian | C Perindustrian |
| B Pembinaan | D Perlombongan |

31 Peta 5 di bawah menunjukkan arah pergerakan penduduk di Semenanjung Malaysia.



Peta 5 : SEMENANJUNG MALAYSIA

Pola migrasi yang ditunjukkan dalam peta di atas ialah

- | | |
|-------------------------|------------------------------|
| A bandar ke bandar | C luar bandar ke bandar |
| B bandar ke luar bandar | D luar bandar ke luar bandar |

- Sumber yang ada tidak dapat menampung jumlah penduduk
- Kadar kelahiran yang tinggi

32 Maklumat di atas merujuk kepada konsep

- | | |
|--------------------|-----------------------|
| A kurang penduduk | C perubahan penduduk |
| B penduduk optimum | D penduduk berlebihan |

33 Antara yang berikut, yang manakah merupakan kesan perkembangan pesat pembandaran kepada alam sekitar?


- I Perubahan landskap
- II Peningkatan suhu setempat
- III Kebanjiran migran setempat
- IV Masalah pengangguran

- | | |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

[Lihat halaman sebelah

SULIT


34 Kawasan bertanda manakah di Peta 6 merujuk kepada pertanyaan di bawah ?



35 Apakah persamaan petempatan yang disenaraikan diatas ?


- A Kawasan hutan
- B Petempatan nelayan
- C Kawasan pinggir pantai
- D Kawasan penanaman padi

36 Apakah persamaan bagi kedua-dua bandar dalam Rajah 6 di bawah ?



- A Pusat pendidikan
- B Zon perdagangan Bebas
- C Pusat pengumpulan kelapa sawit
- D Pusat pengumpulan bijih timah

37 Proses pembandaran paling giat berlaku dikawasanPeta 7 yang bertanda



[Lihat halaman sebelah
SULIT

- Tenom ke Jeselton
- Weston ke Beaufort


38 Tempat-tempat di atas dapat dikaitkan dengan pembinaan

- | | | | |
|---|---------------------|---|--------------------------|
| A | jalan raya | C | lapangan terbang |
| B | landasan kereta api | D | pelabuhan pesisir pantai |

39 Peta 8 di bawah menunjukkan lapangan terbang di Malaysia.


- Pusat penerbangan serantau
- Lapangan terbang paling moden dan canggih di Asia Pasifik

Huraian di atas menerangkan lapangan terbang yang bertanda



Peta 8 : MALAYSIA

40 Apakah yang boleh dikaitkan dengan Rajah 7 di bawah?



Rajah 7

- I ASTRO ESPN
- II KL Monorel
- III Air Asia
- IV Celcom

- | | | | |
|---|----------|---|------------|
| A | I dan II | C | II dan III |
| B | I dan IV | D | III dan IV |

41 Apakah kepentingan pembinaan stesen satelit bumi?

- I Penyebaran maklumat tanpa sempadan berkembang
- II Perkembangan sistem telekomunikasi
- III Memajukan sistem pengangkutan
- IV Darjah ketersampaian tinggi

- | | | | |
|---|----------|---|------------|
| A | I dan II | C | II dan III |
| B | I dan IV | D | III dan IV |

[Lihat halaman sebelah

SULIT

42. Apakah sumber yang tidak boleh diperbaharui? .

- I Air
- II Hutan
- III Gas asli
- IV Arang batu

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

43. Pernyataan di bawah tentang kaedah menghasilkan sumber tenaga.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Sisa tumbuhan • Gas metana |
|---|

Kombinasi manakah yang benar berdasarkan pernyataan di atas?

	Negara	Sumber Tenaga
A	Iceland	Geoterma
B	Jepun	Suria
C	Perancis	Ombak
D	India	Biomass


44. Pernyataan di bawah merupakan sumber tenaga alternatif.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Dijana di kawasan gunung berapi yang masih aktif • Mempunyai mata air panas dan geiser |
|---|

Negara yang banyak bergantung pada sumber tenaga di atas ialah

- A Iceland
- B Perancis
- C India
- D China

45. Berdasarkan Rajah 8 di bawah, apakah kesan perubahan tersebut terhadap cuaca setempat?



Rajah 8

- I Suhu meningkat
 - II Mengurangkan sejat peluhan
 - III Jumlah hujan meningkat
 - IV Tiupan angin perlahan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

46 FRIM bertanggungjawab membuat penyelidikan berkaitan dengan

- A tanin
B hutan
C tenaga
D mineral

47 Berdasarkan Peta 9 di bawah, pasangan yang manakah benar?



Peta 9 : MALAYSIA

	Kawasan Perlombongan	Mineral
I	P	Bijih timah
II	Q	Kaolin
III	R	Petroleum
IV	S	Bauksit

- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

48 Antara yang berikut, manakah kriteria yang dijalankan dalam kaedah penebangan terpilih?

- I Pemilihan pokok matang dan ukurlilit melebihi 50 sentimeter
II Hadkan bilangan pokok yang boleh ditebang
III Pokok-pokok kecil akan ditebang sama
IV Menghadkan pemberian lesen pembalakan

- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

49 Kombinasi manakah yang benar?

	Kawasan	Jenis Industri
I	Serendah	Industri kimia
II	Kerteh	Industri petrokimia
III	Sandakan	Industri papan
IV	Gurun	Industri elektronik

- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

[Lihat halaman sebelah

SULIT

- 50 Rajah 9 di bawah menunjukkan aktiviti penebangan hutan.



Rajah 9

Apakah kesan kegiatan di atas?

- A Jerebu
B Hujan asid
C Banjir kilat
D Peningkatan suhu

- 51 Barangan manakah yang boleh dihasilkan daripada proses kitar semula bahan dalam Rajah 10 di bawah?



Rajah 10

- I Kertas tisu
II Kadbod
III Perabot
IV Gelas
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- Gua Niah, Sarawak
- Taman Negara Kinabalu, Sabah
- Pulau Tioman, Pahang

- 52 Mengapakah kawasan yang disenaraikan di atas menjadi kawasan pelancongan?

- A Sistem pengangkutan yang baik
B Mempunyai tenaga pekerja yang ramai
C Mempunyai keindahan alam semula jadi
D Mempunyai darjah ketersampaian tinggi

[Lihat halaman sebelah

SULIT

53 Apakah program kitar semula yang dijalankan di Denmark?


- A 4 dalam 1
 B Waste 21
 C Green Dot
 D NEWater

54 Di Malaysia padi ditanam di kawasan lembangan sungai kerana mempunyai

- I tanah aluvium
 II sumber pengairan
 III tanah laterit
 IV kawasan beralun

- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

55 Berdasarkan Peta 10 di bawah, negara manakah yang membekalkan tenaga buruh kurang mahir ke Malaysia?




Peta 10 : DUNIA

- LKIM
- FAMA

56 Agensi di atas berkaitan dengan kegiatan

- A perkilangan
 B pelancongan
 C pertanian
 D perikanan

57 Berdasarkan Rajah 11 di bawah, X ialah



Rajah 11

- A peningkatan suhu dunia
 B hujan asid
 C pulau haba
 D penipisan lapisan ozon

[Lihat halaman sebelah

- CFC
- Nitrogen Oksida

58 Senarai di atas berkaitan dengan fenomena

- | | |
|--------------|--------------------------|
| A jerebu | C hujan asid |
| B pulau haba | D penipisan lapisan ozon |

- Mudah disalurkan
- Tidak mencemarkan udara

59 Pernyataan di atas merujuk kepada sumber tenaga

- | | |
|--------------|--------------------------|
| A nuklear | C kuasa hidroelektrik |
| B arang batu | D petroleum dan gas asli |

60 Kerjasama ekonomi antarabangsa yang d'kaitkan dengan kawasan bulatan dalam Peta 11 di bawah ialah



Peta 11 : DUNIA

- | | |
|----------------------|-----------------------------------|
| A kerjasama sedunia | C kerjasama pelbagai hala |
| B kerjasama serantau | D kerjasama segi tiga pertumbuhan |

KERTAS SOALAN TAMAT